



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 30 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	VEGETABLES PRICES ARE GUARANTEED TO RETURN TO NORMAL SAYS, MAFI, NEWS, TAMIL MALAR -5 CHILI PRICE HAVE INCREASED, CONSUMERS GRUMBLE, NEWS, TAMIL MALAR -1,11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	SUAMI ISTERI USAHAKAN PRODUK BERASASKAN CENDAWAN HINGGA BERJAYA, BISNES SINAR, SH -30	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4.	TIGA JABATAN BEKERJASAMA JEJAK LOKASI PUNCA JE, NASIONAL, BH -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6.	RUMAH JEMURAN TENAGA SOLAR PERCEPAT PROSES IKAN MASIN, NASIONAL, BH -19 GUNA TENAGA SOLAR JEMUR IKAN MASIN, LOKAL, HM -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	PEKEBUN BERISIKO GULUNG TIKAR, NASIONAL, BH -18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22.	VERDE PERKENAL DUA PRODUK INOVATIF TINGKAT HASIL PERTANIAN, NASIONAL, BH -20 3,770 PREMIS DIPERIKSA MENERUSI OPS MENU, KOSMO -ONLINE HEM SEBAGAI SUMBER FIBER, BH -ONLINE HARGA SAYURAN PKPS DIJAMIN KEKAL RENDAH, BERPATUTAN, UM -ONLINE HASIL PEMANTAUAN DI PASAR BANTU KERAJAAN STABILKAN HARGA BARANG, SH -ONLINE PRODUK HALAL MALAYSIA DAPAT TEMPAT DI SELATAN THAILAND, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE HIGH PRICES COULD ESCALATE FOOD INSECURITY, VIES, THE STAR -12 KPDNHEP AKUI HARGA SAYUR, AYAM NAIK, NEGERI PERAK, SH -28 'SEEKOR AYAM HANYA SEBESAR TAPAK TANGAN', NEGARA, KOSMO -4 KOS DEDAK LEBIH MURAH DI THAILAND, NEGARA, KOSMO -4 SEMBELIH AYAM TAK MATANG, DALAM NEGERI, UM -8 'LADANG BANYAK, TAK WAJAR HARGA AYAM MAHAL DI NEGERI SEMBILAN', DALAM NEGERI, UM -8 CABARAN BEKALAN MAKANAN NEGARA, CETUSAN, SH -17 IKLIM PENGARUHI SEKTOR PERTANIAN, CETUSAN, SH -17 JANA RM420,000 SEMUSIM TANAM CILI, GAYA TANI, UM -21 & 22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Vegetables prices are guaranteed to return to normal says; MAFI		
Media Title	Tamil Malar		
Date	30 Nov 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	182 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 935
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,805




## காய்கறிகளின் விலை இயல்பு நிலைக்குத் திரும்பும் MAFI உறுதி

இதனிடையே இவ்வாண்டு இறுதிக்குள் காய்கறிகளின் விலை குறிப்பாக இறக்குமதி செய்யப்பட்ட காய்கறிகளின் விலை இயல்பு நிலைக்குத் திரும்பும் என்று விவசாயம் மற்றும் உணவு தொழிற்சாலை அமைச்சர் MAFI உறுதியளித்துள்ளது.

இந்த விலை ஏற்றத்திற்கு பல காரணங்கள் முன்வைக்கப்பட்டாலும் இது தற்போது சம்பந்தப்பட்ட தரப்பின் கட்டுப்பாட்டுக்குள் இருப்பதாக அதன் துணை அமைச்சர் டத்தோஜீ அஹ்மட் ஹம்சா தெரிவித்திருக்கின்றார்.

இந்நிலையில் இறக்குமதி செய்யப்பட்ட காய்கறிகள் அல்லது உள்ளூர் காய்கறிகளின் கையிருப்பில் தட்டுப்பாடு



ஏற்பட்டிருப்பதை MAFI இதுவரை கண்டறியவில்லை என்றும் அவர் கூறினார்.

பல சந்தைகளில் காய்கறிகளின் விலை ஏற்றம் கண்டறிக்கும் வேளையில் ஒட்டுமொத்த நிலையில் காய்கறிகளின் விலை ஏற்றம் கட்டுப்பாட்டுக்குள் இருப்பதாக அஹ்மட் ஹம்சா தெரிவித்தார்.

அக்ரோஇன்வஸ்ட் மார்ச் 2021 எனும் நிகழ்ச்சியை தொடக்கி வைத்த பின்னர் நடைபெற்ற செய்தியாளர்கள் சந்திப்பில் அவர் இவ்வாறு கூறினார்.

Headline	Chili price have increased; consumers grumble		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	30 Nov 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	1,11	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	626 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,218
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,654



**சந்தையில் ஊசி மிளகாய்**

**கிலோ வெ.18**  
**பயனீட்டாளர்கள் குமுறல்**

★ எஸ்.எஸ்.மணிமாறன் ★

**பந்திங், நவ. 30-**  
சந்தையில் தற்போது விற்கப்படும் காய்கறிகள் விலையேற்றம் யானை விலையில் விற்கப்படுவதால் வழக்கமாக இங்கு செல்லும் பயனீட்டாளர்கள் தங்களின் எரிச்சலையும் குமுறலையும் வெளிப்படுத்தியுள்ளனர்.

குறிப்பாக ஊசி மிளகாய் கிலோ 18 வெள்ளிக்கும் பச்சை யீன்ஸ் கிலோ 15 வெள்ளிக்கும் விற்கப்படுவதால் மக்கள் எதை வாங்குவது எதைத் தவிர்ப்பது என்று பெரும் குழப்பத்தில் ஆழ்ந்துள்ளனர். அன்றாடம் இதன் விலை கிடு கிடு வென உயர்ந்து கொண்டே போவதால் இவர்கள் பெரும் கமையை எதிர்நோக்கி வருகின்றனர் என்று சமூக ஆர்வலர்கள் களமிறங்கி தங்களின் கருத்துகளை அரசின் கவனத்திற்கு முன் வைத்தனர்.

**பக் 11**



Headline	Chili price have increased; consumers grumble		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	30 Nov 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	1,11	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	626 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,218
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,654

## சந்தையில் ஊசி மிளகாய்...

காய்கறிகள் விலையேற்றத்தை உடனடியாக கட்டுப் படுத்தும் உரிய நடவடிக்கைகளை விவசாய அமைச்சு மேற்கொள்ள வேண்டும். மாநிலம் மற்றும் மாவட்டங்கள் தோறும் செயல்படும் விவசாய இலாகா அதிகாரிகள் கட்டுக் கடங்காத காய்கறிகள் விலையேற்றத்தை ஒரு முடிவுக்கு கொண்டு வருவதில் அதி தீவிரமாக கவனம் செலுத்த வேண்டும்.

காய்கறிகள் விலையேற்றத்தால் மக்கள் மத்தியில் உருவாகி வரும் பதற்றமான சூழ்நிலையை கட்டுக்குள் கொண்டு வரும் முயற்சியில் இந்த அதிகாரிகள் கீழிறங்கி விவசாயிகளை நேரில் சந்தித்து நிலவரங்களைக் கண்டறிந்து

## முதல் பக்கத் தொடர்ச்சிகள்...



தங்களின் வேண்டுகோளை முன்னெடுத்தனர். இங்கு பெரிய சந்தைக்கு லோடிகள் மூலம் கொண்டுவரப்படும் காய்கறிகளை அதன் விநியோகிப்பாளர்களிடம் இருந்து பெற்று விற்பனை செய்து வருகிறோம். அவர்கள் எங்களிடம் கொடுக்கும் அதன் விலையை அனுசரித்து தான் காய்கறிகளை வாடிக்கையாளர்களிடம் விற்பனை வருகிறோம். ஆயினும் இந்தக் காய்கறிகள் விலை ஏற்றத்திற்கு நாங்கள் பொறுப்பேற்க முடியாது. காரணம் எல்லா சந்தைகளிலும்

அதற்கான தீர்வை ஆராய வேண்டும். இல்லையெனில் இந்த விலையேற்றம் பலரையும் அதிகபட்சமாக பாதிக்கவே செய்யும். அதனால் இனியும் காலம் கடத்தாமல் காய்கறிகள் விலையேற்றத்தை தடுத்து நிறுத்த இவர்கள் இனியும் அறிக்கைகள் விட்டுக் கொண்டிருக்காமல் ஆவன செய்ய வேண்டும் என்று சமூக ஆர்வலர்கள் ராஜன் சேகரன் சேரன் பரமேஸ்வரன் தமிழ் மலர் வாயிலாக

காய்கறிகள் தற்போது விலை ஏற்றமாக உள்ளது.

இதை சம்பந்தப்பட்ட அதிகாரிகள் கவனத்தில் கொண்டு உரிய விலையை நிர்ணயம் செய்ய முன் வரவேண்டும் என்று 40 ஆண்டுகளாக இங்கு பெரிய சந்தையில் காய்கறி வியாபாரம் செய்து வரும் பெரியண்ணன் (வயது 82) மற்றும் 30 ஆண்டு காலமாக இந்த வியாபாரத்தை செய்து வரும் பாப்பாத்தி நம்மிடம் தெரிவித்தனர்.



30/11/2021

SINAR BISNES SINAR

30

HARIAN

# Suami isteri usahakan produk berasaskan cendawan hingga berjaya

Bekas guru kontrak, kini jadi usahawan cendawan berjaya raih pendapatan lima angka

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

**KOTA TINGGI**

Tidak pernah menyesal meninggalkan profesion perguruan, Azahari Yahya, 30, kini tidak menoleh ke belakang lagi setelah berjaya menjadi usahawan cendawan di FELDA Bukit Aping Timur di sini. Azahari dan isteri, Nor Aine

Anuar, 29, yang juga seorang graduan ijazah sarjana mengusahakan tanaman tersebut sejak empat tahun lalu.

Idea untuk mengusahakan 'kampung cendawan' ini bermula selepas Azahari berkahwin dan Nor Aine yang amat gemarkan cendawan serta pada masa sama isterinya itu masih tidak mempunyai sebarang pekerjaan ketika itu.

Dia dan isteri kemudian mengambil keputusan mengikuti kursus cendawan pada 2017 sebelum memulakannya dengan 200 bongkah cendawan.

"Kami jadi seronok untuk kembangkan lagi kepada 1,000 kermudian 5,000 bongkah.

"Kini di rumah terdapat dua

rumah cendawan yang mampu memuatkan kira-kira 10,000 bongkah untuk dijual," katanya ketika ditemui di FELDA Bukit Aping Timur baru-baru ini.

Bapa kepada dua anak itu berkata, buat permulaan dia dan isteri hanya menjual cendawan mentah sebelum menjadikannya sebagai produk hiliran seperti kerepek cendawan, pekasam cendawan dan cendawan goreng.

Menurutnya, ini diikuti dengan penjualan bongkah cendawan yang kini menjadi fokus utama mereka sehingga tidak menyang tangan untuk menerima tempahan.

Disebabkan perniagaan cendawan yang semakin berkembang, Azahari berkata, dia dan isteri mengambil empat pekerja sambilan bagi membantu proses membuat bongkah cendawan.

Ujarnya, produk mereka banyak dijual secara dalam talian selain mempromosikan melalui platform media sosial seperti Facebook dan Instagram.

"Alhamdulillah sehingga kini kami berjaya meraih RM10,000 hingga RM20,000 sebulan untuk jualan bongkah cendawan.

"Ibu pun kami tidak menyang tangan untuk mengambil semua tempahan yang banyak dari 'farming contract' yang ada juga ejen kami yang berada di seluruh



Azahari dan Nur Aine menunjukkan produk cendawan yang diusahakannya sejak empat tahun lalu di FELDA Bukit Aping Timur, Kota Tinggi.

Malaysia," katanya.

Dia amat bersyukur kerana usahanya untuk terus maju dalam bidang itu mendapat galakan dari Pejabat Pertanian Daerah Kota Tinggi, juga pihak pengurusan FELDA.

Katanya, ini termasuk insentif serta barisan peralatan diterima iaitu mesin memproses bahan-bahan bagi menyiapkan bongkah cendawan yang kini lebih melancarkan kerja produksinya.

Bagi bekas guru kontrak di sebuah sekolah swasta pada ta-

hun 2016 ini, dia tidak kekok menjadi usahawan cendawan meskipun kini jauh meninggalkan bidang dipelajari iaitu matematik gunaan.

"Ini bukan suatu yang membuat kami rasa ralat kerana kini kami berjaya meraih pendapatan sehingga lima angka sebulan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujarnya, bekerja sendiri memberi kelebihan untuk dia dan isteri mengatur sendiri masa di samping lebih bebas dan tidak terfongkong.



Pasangan ini tidak pernah raih meninggalkan profesion perguruan sebaliknyanya mahu terus berjaya dalam tanaman cendawan yang diusahakannya.



# Tiga jabatan bekerjasama jejak lokasi punca JE

## Usaha dibuat susulan dua kes kematian akibat virus bawaan nyamuk

Oleh Noorazura Abdul Rahman dan Zatul Iffah Zolkiply  
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Jabatan Kesihatan Kedah akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bagi menjejaki kawasan berisiko menjadi punca kemunculan virus Japanese Encephalitis (JE) susulan dua kes kematian akibat jangkitan pe-

nyakit itu di daerah Kota Setar. Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah, Dr Othman Warjo, berkata virus itu akan dijejak di tempat takungan dan kumbahan ladang ternakan babi atau babi hutan yang menjadi tempat pembiakan nyamuk culex.

"Jabatan Veterinar dan PERHILITAN ada data dan maklumat keberadaan haiwan terbahit dan berdasarkan maklumat, operasi bersama boleh dilakukan. "Virus ini disebarkan oleh nyamuk menyebabkan jangkitan kepada manusia, haiwan ternakan, burung, kelawar dan katak.

"Selepas jangkitan, virus akan menyerang sistem saraf pusat iaitu otak dan saraf tunjang.

"Virus JE tidak berjangkit sesama manusia atau apabila manusia memakan daging babi yang membawa virus itu," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, tiada rawatan khas untuk JE setakat ini dan antibiotik juga tidak berkesan melawan virus itu serta tiada ubat antiviral ditemui setakat ini.

"Tumpuan hanya kepada rawatan mengurangkan gejala dan rawatan komplikasi saja," katanya.

Kelmarin, Jabatan Kesihatan Kedah mengisytiharkan wabak JE di daerah Kota Setar selepas mengesan dua kes jangkitan penyakit itu bulan ini.

Kes pertama dilaporkan pada 18 November disusuli kes kedua pada 25 November lalu dengan

kedua-dua mangsa meninggal dunia.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Datuk Dr Kasemani Embong, berkata pihaknya mengesan dua kes jangkitan JE dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

"Dua kes itu dilaporkan berlaku di daerah Besut pada Julai dan Oktober lalu.

"Kes pertama dilaporkan Julai lalu membabitkan seorang kanak-kanak berusia 10 tahun, manakala kes kedua pada Oktober lalu membabitkan warga emas berusia 62 tahun.

"Kedua-dua pesakit sudah dibenarkan pulang dan berada dalam keadaan sihat, dan ia adalah kes sporadik dan tiada wabak JE dilaporkan di negeri ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, semburan kabus untuk menghapuskan vektor (sem-

bulat) Kes pertama dilaporkan Julai lalu membabitkan seorang kanak-kanak berusia 10 tahun, manakala kes kedua pada Oktober lalu membabitkan warga emas berusia 62 tahun

Kasemani Embong, Pengarah JKNT



buran ruang termal) dan aktiviti pemusnahan larva nyamuk di lokasi kediaman pesakit dan tempat berisiko di kawasan lokaliti kes adalah antara langkah kawalan dilakukan Pejabat Kesihatan Daerah Besut dan JKNT bagi mencegah penularan kes itu.

# Verde perkenal dua produk inovatif tingkat hasil pertanian

Kota Kinabalu: Verde Resources Inc (OTCQB: VRDR) Amerika Syarikat memperkenalkan dua produk inovatif Pertanian Janaan Semula bagi Perlindungan Pintar dan Lestari yang menjanjikan peningkatan hasil, pertumbuhan tanaman lebih sihat dan pengasingan karbon bagi membantu mengurangkan perubahan iklim.

Produk disasarkan bagi sektor pertanian dan perladangan itu diperkenalkan khusus dalam penjagaan alam sekitar secara organik dan lestari tanpa menjejaskan pertumbuhan dan hasil tanaman.

Presiden Verde, M Balakrishnan, berkata jika dua produk terbahit iaitu The Verde Enriched BioChar dan Verde Wood Vinegar digabungkan, penggunaannya mampu membantu petani dan peladang menangan-

masalah pertumbuhan serta ancaman terhadap tanaman.

Katanya, The Verde Enriched BioChar berupaya meningkatkan nilai keasidan (pH), mengurangkan hakisan, meningkatkan pengekal air, menyediakan perumah untuk aktiviti mikrob dan meningkatkan saiz tanaman.

"Produk ini juga mempunyai keupayaan untuk mengasingkan sejumlah besar karbon.

"Verde Wood Vinegar pula penemuan racun perosak dan baja organik yang turut memperbaiki kualiti tanah, menyingkirkan perosak, sekaligus membantu menggalakkan pertumbuhan sihat ke atas tanaman," katanya dalam satu kenyataan.

Apabila kedua-dua produk itu digabungkan ia dapat menghidupkan semula tanah dalam

Verde Enriched BioChar antara lain berfungsi memperbaiki pH dan struktur tanah serta mengurangkan hakisan.

meningkatkan produktiviti, aktiviti biologi lebih baik dan membekalkan kelembapan serta pengekalan nutrien.

Selain itu, ia meningkatkan tanah yang mengakibatkan pengasingan karbon, biojisim mikrob serta menyediakan persekitaran kondusif untuk mycorrhizae.

Balakrishnan berkata, penggunaan produk itu adalah cara yang lebih organik dan menjimatkan serta menambah baik tanah pertanian dengan mengurangkan kebergantungan kepada bahan kimia pertanian.

"Kedua-dua produk inovatif ini dicipta melalui penemuan BioFraction Technology milik Verde.

"Teknologi ini membabitkan proprietary termaju, pirolisis vakum bermangkin yang diubah suai dan proses termokimia dikawal suhu yang menukarkan sisa sawit kepada produk sampingan boleh diperbaharu iaitu biochar, biominyak, biosyngas dan cuka kayu.

"Menerusi teknologi Bio-Fraction, kami akan merealisasikan model perniagaan pertumbuhan mampan yang me-

Verde Wood Vinegar menyingkirkan perosak dan membantu dalam pertumbuhan sihat tanaman.

mumpukan kepada tiga tunjang utama iaitu faedah ekonomi, alam sekitar dan sosial," katanya.

Kedua-dua produk berkenaan boleh didapati secara dalam talian melalui Shopee dan Lazada di [www.shopee.com.my/global-renewables](http://www.shopee.com.my/global-renewables) dan [www.lazada.com.my/global-renewables-sdn-bdd](http://www.lazada.com.my/global-renewables-sdn-bdd).





# Rumah jemuran tenaga solar mempercepat proses ikan masin

**Nelayan kini tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada cuaca panas**

Hassan Sulaiman, 61, yang sebelum ini bergantung sepenuhnya kepada cuaca panas bagi mengeringkan ikan berkenaan.

Rumah jemuran Sumbangan Jabatan Perikanan Melaka itu diperbuat daripada kerangka besi dengan bumbung lut sinar yang dilengkapi sistem penyimpanan tenaga solar bagi menghidupki-

Pada waktu siang dan panas, jemuran dibuat secara terus kena cahaya matahari, manakala kipas dengan tenaga solar dihidupkan bagi meneruskan jemuran pada waktu malam.

Rumah jemuran ikan masin itu disumbangkan Jabatan Perikanan bagi membantu meningkatkan ekonomi nelayan melalui penghasilan dan pemasaran ikan masin.

Abu Hassan berkata, beliau amat bersyukur dan berterima kasih kepada jabatan itu kerana

memberi peluang kepadanya menggunakan teknologi itu untuk menghasilkan ikan masin.

"Sebelum ini saya menjemur ikan dengan kaedah biasa di atas para dan jaring tetapi terpaksa bergantung kepada cuaca panas, selain terpaksa perlu menghalau lalat yang hinggap pada ikan.

"Ketika musim hujan juga saya tidak dapat menjemur ikan masin tetapi dengan adanya rumah ini, proses jemuran dapat dibuat sepanjang masa, selain kualitinya terjamin kerana bebas lalat," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Beliau adalah di antara 30 nelayan berpangkalan di Jeti Kempong Paya Lebar, Lubok Cina, menangkap ikan dengan kaedah tradisional seperti memancing, menjaring, memasang bubu, menjala dan merawai.

Antara ikan menjadi sumber rezekinya termasuk gelama,



Abu Hassan menghasilkan ikan masin dalam rumah ikan masin yang dijana melalui penggunaan tenaga solar. (Foto Hassan Omar/BH)

siakap, sembilang, duri dan pari yang menjadikan jeti itu tumpuan orang ramai membeli hasil laut segar, manakala bakinya dijadikan ikan masin oleh nelayan.

Abu Hassan berkata, ketika cuaca panas, piring tenaga berkenaan menyimpan tenaga untuk membolehkan ia menghidupkan kipas dalam rumah ikan masin yang berfungsi mengeringkan ikan pada waktu malam.

"Saya hanya perlu memusing-

Oleh Hassan Omar  
bhnews@bh.com.my

**Masjid Tanah:** Penggunaan rumah jemuran dilengkapi tenaga solar membolehkan seorang nelayan di sini, melakukan proses menjemur ikan masin diusahakannya, dibuat sepanjang masa termasuk ketika hujan dan waktu malam.

Langkah itu juga menyelesaikan masalah nelayan dari Kempong Ramuan Cina Besar, Abu



## Guna tenaga solar jemur ikan masin

**Masjid Tanah:** Seorang nelayan di Kampung Ramuan Cina Besar di sini, melangkah maju dalam bidang penghasilan ikan masin melalui penggunaan tenaga solar.

Jika sebelum ini Abu Hassan Sulaiman, 61, terpaksa bergantung kepada cuaca panas untuk menghasilkan ikan masin, sekarang dia tidak perlu lagi berbuat demikian.

Pada waktu siang dia menjemur ikan dalam rumah ikan masin yang diperbuat daripada kerangka besi dan bumbung lut sinar yang dilengkapi sistem penyimpanan tenaga solar.

Rumah ikan masin berukuran 3 x 1 meter itu disumbangkan Jabatan Perikanan Melaka bagi membantu meningkatkan ekonomi nelayan melalui penghasilan dan pemasaran ikan masin.

Abu Hassan berkata, dia amat bersyukur dan berterima kasih kepada jabatan

berkenaan kerana memberi peluang kepadanya menghasilkan ikan masin melalui kaedah itu.

"Sebelum ini saya menjemur ikan dengan kaedah biasa di atas para dan jaring tetapi terpaksa bergantung kepada cuaca panas, selain terpaksa menghalau lalat yang hinggap pada ikan.

"Semasa musim hujan saya tidak dapat menjemur ikan masin tetapi dengan adanya rumah ikan masin itu, saya mampu menghasilkan ikan masin sepanjang masa dan kualitinya terjamin kerana bebas daripada lalat," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini, semalam.

Abu Hassan adalah seorang daripada kira-kira 30 nelayan di Jeti Kampung Paya Lebar, Lubok Cina, dekat sini, yang menangkap ikan dengan kaedah tradisional seperti memancing, menjaring, memasang bubu, men-

jala dan merawai.

Katanya, ketika cuaca panas, piring tenaga berkenaan menyimpan tenaga untuk membolehkan kipas dalam rumah ikan masin berfungsi bagi mengeringkan ikan pada waktu malam.

"Saya hanya perlu memusingkan ikan supaya ia kena cahaya matahari di semua bahagian, sekali gus mengelakkan ikan menjadi busuk akibat tidak terkena cahaya matahari di semua bahagian," katanya.

Dia berkata, selain bergantung rezeki kepada penjualan hasil tangkapan secara konvensional, ikan kering turut menambah sumber pendapatannya.

Katanya, penghasilan ikan masin juga mampu dipertingkatkan berikutan tempoh menjemur ikan yang lebih singkat dengan menggunakan rumah ikan masin berbanding kaedah penghasilan secara konvensional.



ABU Hassan di dalam rumah ikan masin yang dijana melalui tenaga solar. - Gambar NSTP/HASSAN OMAR



Isu kenaikan harga sayur

# Pekebun berisiko gulung tikar

**Kos baja, racun serangga meningkat mendadak hingga hampir 30 peratus**

**Oket Latifah Artifa**  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pekebun sayur berdepan risiko gulung tikar susulan kenaikan harga bahan keperluan tanaman yang diusahakan, termasuk baja dan racun yang meningkat mendadak.

Setiasaha Pertubuhan Agro Hulu Selangor, Ramlee Nasir, mendakwa harga racun serangga naik 15 hingga 20 peratus, manakala harga baja melonjak di antara 20 hingga 28 peratus.

"Pada Februari lalu, harga bagi 50 kilogram (kg) baja adalah RM125, pada Oktober naik lagi kepada RM158, manakala November RM175. Harga racun serangga pula turun naik, iaitu awal bulan

lalu RM65 sebotol kemudian turun RM65 pada penghujung Oktober," katanya kepada BH, semalam.

Media baru-baru ini melaporkan kenaikan harga sayur kerana beberapa tempatan dan dikatakan berpunca daripada faktor cuaca, logistik serta peningkatan kos baja dan racun.

Ramlee juga tidak menolak kemungkinan isu kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran berpunca daripada manipulasi pemborong atau orang tengah.

"Meraka mengambil kesempatan menaikkan harga selepas mendengar keluhan petani rentetan harga bahan mentah keperluan tanaman seperti baja dan pelbagai jenis racun yang naik mendadak.

"Ketika membeli bekalan sayur daripada kami, pemborong memberi alasan kononnya sukar menjual (sayur) ketika ini berikutan keadaan ekonomi semasa yang tidak baik apabila menawarkan

harga belian yang rendah kepada pekebun.

"Manakala apabila menjual sayur dalam pasaran, mereka mengambil kesempatan menaikkan harga dengan alasan kenaikan harga baja dan racun," katanya.

Sehubungan itu, Ramlee berkata, pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan Hal Ehwal Penggunaan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan (KPDNHEP) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) perlu meningkatkan pemantauan harga di pihak pemborong dan peruncit.

"FAMA dan KPDNHEP wajar menyertihbang supaya permit penjualan produk sayur dan buah-buahan dilesenkan dalam usaha mengawal harga pasaran.

"Sebagai contoh, semua pemborong dan peruncit perlu mendapatkan salinan sah bekalan dari peladang atau pekebun yang mempunyai lesen Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (my-GAP).

"Pertara ini perlu dilaksanakan supaya pekebun harum seperti warga asing tidak dapat bekalkan sayuran dan tidak sewenang-wenangnya orang tengah ambil kesempatan ketika harga pasaran melambung," katanya.

Sementara itu, pengusaha ladang sayur di Hulu Bernam dan Jlok, Mohd Firdaus Sabat, mendakwa harga sayur masini tidak stabil di dalam pasaran ketika ini.

"Kenaikan harga sayur ketika ini memang melegakan kami sekurang-kurangnya dapat menampung kenaikan harga baja dan racun yang sesetengahnya hampir 200 peratus.

"Dalam situasi sekarang, kalau harga tidak naik, pekebun mungkin terpaksa gulung tikar. Namun, kenaikan harga sayur di ladang tidak terlalu ketara berbanding harga runcit yang begitu tinggi.

"Ini mungkin disebabkan kenaikan harga disebabkan oleh orang tengah berserta faktor musim hujan yang menghecahkan pengeluaran sayuran ketika ini," katanya.

Belian berkata, ketidakstabilan harga sayur di ladang menyaksikan timun turun sehingga 0.20 sen sekilogram, dan pernah naik sehingga RM6 sekilogram.

"Penurunan dan kenaikan ini sangat tidak stabil, malah risiko yang besar menanti pengusaha jika harga turun terlalu rendah. Kenaikan ini ada baik buruknya. Saya sendiri yang turut mengusahakan kedai makan runsing dengan harga semasa kerana ia membebankan.

"Sebagai contoh, kobis bunga sebelum ini bernharga RM8 sekilogram tetapi minggu lalu ia naik sehingga RM18 sekilogram," katanya.



Pekebun sayur berdepan risiko gulung tikar susulan kenaikan mendadak harga baja dan racun.

REZAB MELAYU  
Rumah Mampu Biaya (RMB)  
(Jenis C)

ALAM DAMAI  
PATAH GUDANG

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2021	KOSMO	ONLINE	

## 3,770 premis diperiksa menerusi Ops Menu



KAJANG – Sebanyak 3,770 premis kedai makan telah diperiksa oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerusi Ops Menu di seluruh negara bermula 6 November lalu.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, pihaknya mengambil maklum berhubung isu kenaikan harga barang yang dilaporkan di media arus perdana dan media sosial serta sentiasa melakukan penguatkuasaan serta pemeriksaan untuk menanganinya.

“Bagi menangani isu kenaikan harga barang, pelbagai pendekatan berterusan dan agresif telah dilakukan termasuklah pelaksanaan Ops Menu yang bertujuan memantau dan menangani isu harga makanan bermasak di seluruh negara.

“Sehingga kini, sebanyak 3,779 pemeriksaan telah dilakukan di premis-premis kedai makan dan daripada jumlah itu sebanyak 27 tindakan kes telah diambil ke atas peniaga yang melakukan kesalahan,” katanya menerusi satu kenyataan hari ini.

Menurut Azman, kementerian juga akan terus melaksanakan sesi libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi di bawahnya juga pemain industri berkaitan untuk mencari kaedah terbaik bagi menyekat kenaikan harga secara mendadak.

“Menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011, tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) sehingga menyebabkan kenaikan harga yang melampau.

“Mana-mana peniaga yang dikesan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011 ini boleh dikenakan denda sehingga RM500,000.00 bagi perbadanan atau syarikat dan sehingga RM100,000.00 bagi individu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya sekali,” tegas beliau.

Tambah Azman, pengguna dinasihatkan untuk menyalurkan aduan yang lengkap termasuk bukti seperti resit, gambar dan alamat lengkap premis kepada pihak KPDNHEP tanpa melalui saluran media arus perdana atau media sosial supaya tindakan segera dapat diambil.

“Aduan boleh disalurkan menerusi aplikasi WhatsApp di nombor 019-279 4317, pusat panggilan KPDNHEP di talian 1 800 886 800 atau emelkan ke e-aduan@kpdnhep.gov.my,” ujar beliau. – K! ONLINE.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Hem sebagai sumber fiber



Kementerian Pertanian Thailand sudah menyediakan model ladang ganja sebagai panduan untuk petani mengusahakannya. - Foto AFP

KUALA LUMPUR: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) akan melaksanakan kajian rintis hem, iaitu tumbuhan dari spesies ganja sebagai sumber fiber.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata tumbuhan itu mempunyai kadar kandungan

psikoaktif di bawah 0.5 miligram (mg).

"Biarpun ia bukan untuk perubatan kerana perubatan ini di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tapi untuk fiber ini, di bawah KeTSA.


"Kita tahu hem ialah kanabis yang mempunyai kadar kandungan bahan psikoaktif di bawah 0.5 mg. Sekiranya ia melebihi kadar ini, ia akan memberi kesan khayal dan sebagainya," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (RUU) 2022 peringkat jawatankuasa (pembangunan) bagi kementeriannya, di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, kajian industri marijuana bagi tujuan perubatan juga sebenarnya sudah diputuskan oleh kerajaan sejak 2018, namun belum dapat dilaksanakan disebabkan beberapa kekangan.

"Kalau tidak silap, sejak 2018 lagi sudah diadakan satu projek perintis di Bukit Tangga, Kedah. Tetapi projek ini tergendala sehingga sekarang kerana ada konflik di mahkamah membabitkan isu tanah.

"Kerajaan sudah membelanjakan hampir RM20 juta untuk membuat infra asas kepada tanah di Bukit Tangga ini. Tapi sekarang ini, kita akan cuba cari tempat yang lain pula," katanya.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar ketika sesi penggulungan RUU Perbekalan 2022 peringkat dasar sebelum ini juga memaklumkan, mana-mana pihak boleh mengemuka permohonan penggunaan kanabis untuk perubatan kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) bagi dinilai dan didaftarkan, sekiranya ada bukti saintifik.



Pokok hem mengandungi kandungan psikoaktif di bawah 0.5 miligram. - Gambar

Menyentuh industri solar negara, Takiyuddin berkata, KETSA khususnya Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak pernah menyekat syarikat atau individu mengambil peluang bidaan untuk terbabit dalam industri ini.

"Penawaran bidaan dibuka kepada semua pemain solar, tidak menyekat mana-mana pihak dalam proses bidaan ini," katanya turut memaklumkan TNB

juga memiliki jaringan perniagaan di luar negara dan kerajaan tidak terbabit dalam urusan mengawal selianya.

Dalam pada itu, beliau berkata, setakat ini KETSA belum menetapkan prosedur operasi standard (SOP) mengenai pengurusan mineral yang berbentuk bukan radioaktif.

"Sekarang ini kita sedang menjalankan siasatan dan memuktamadkan SOP untuk NRREE (sumber mineral nadir bumi bukan radioaktif) di satu projek perintis di Gerik, Perak, sebelum SOP ini diperluaskan ke semua negeri termasuk Kedah, Terengganu, Pahang dan sebagainya," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Harga sayuran PKPS dijamin kekal rendah, berpatutan



PASAR Besar Selangor menjadi tumpuan peniaga dan pengguna mendapatkan bekalan sayuran segar di Seri Kembangan, Selangor. -  
GAMBAR HIASAN

SHAH ALAM: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memberi jaminan harga jualan produk sayur-sayuran pihaknya masih kekal pada kadar yang berpatutan.

Sayuran itu antaranya sawi hijau, brokoli, cili, kangkung, bayam merah, terung dan timun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, pihaknya mempunyai mekanisme kawalan harga berikutan ladang di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya turut mengeluarkan hasil sayuran sendiri.

"PKPS sebagai peneraju Inisiatif Jaminan Bekalan Selangor akan terus memikirkan kaedah membantu rakyat terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil.

"Justeru, kita memberi jaminan bahawa harga produk sayuran PKPS masih rendah dan berpatutan kepada pengguna," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Semalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran tempatan ketika ini ada kaitan dengan peningkatan harga baja dan racun di pasaran dunia.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, perkara itu dimaklumkan pada sesi libat urus antara kementerianya bersama Kementerian Kewangan serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kelmarin.

Terdahulu, sebuah infografik mengenai harga sayuran naik sebanyak RM2 sehingga RM12 sekilogram menimbulkan rasa geram dan marah warganet.

Dalam infografik itu, harga pasaran kubis bunga naik sebanyak RM8 iaitu daripada RM7 kepada RM16 per kilogram (kg), manakala harga sayur brokoli pula naik RM12 per kg daripada harga asal RM8 kepada RM20.

Jelas Mohamad Khairil, PKPS turut akan melancarkan kempen jualan mega jimat bagi memastikan rakyat negeri ini mendapat akses sayuran berkualiti pada harga rendah.

"Sebagai contoh, kita akan menjual sayur pak choy hanya RM3.50 per kg berbanding harga pasaran iaitu RM9, manakala kacang buncis dijual RM6 per kg daripada RM15.

"Kempen jualan itu juga sebahagian daripada promosi memperkenalkan jenama komersil PKPS iaitu Ehsan kepada orang ramai," ujarnya.

Tambah beliau, lokasi dan kaedah jualan akan dikongsi pihaknya menerusi laman Facebook dan Instagram PKPS. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Hasil pemantauan di pasar bantu kerajaan stabilkan harga barang



Shahril (kiri) bersama pasukan KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertanya peniaga mengenai harga ayam ketika melakukan pemantauan di Pasar Keramat pada Isnin.

SHAH ALAM – Hasil pemantauan harga barang yang dilakukan di pasar-pasar seluruh negara akan membantu koordinasi pelbagai agensi kerajaan dalam usaha untuk menstabilkan harga barang ekoran

lonjakan harga yang dilaporkan ketika ini.

Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan berkata, beliau sendiri berkesempatan memantau harga barang makanan seperti ayam, telur dan sayur-sayuran bersama pasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diketuai Pengarahnya, Ariffin Samsudin di Pasar Keramat pada pagi Isnin

“Tidak boleh dinafikan, harga barang ada kenaikan walaupun tak sekata, terutamanya apabila kos yang ditanggung oleh peruncit itu sendiri naik. Insya-ALLAH dapatan-dapatan di lapangan akan membantu koordinasi pelbagai agensi untuk berusaha menstabilkan harga.

“Walaupun mengambil maklum kenaikan harga komoditi di pasaran antarabangsa di luar kawalan dalaman, faktor pencatutan dalam rantai nilai (selain peladang/petani dan peruncit) juga tidak boleh ditolak,” katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Menurutnya, ekoran kenaikan harga barang itu, beliau juga difahamkan KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensi-agensi berkaitan akan melipatganda tindakan ke arah cadangan intervensi untuk dipertimbangkan pihak kerajaan.

“Saya difahamkan aktiviti penguatkuasaan akan terus diperhebat di seluruh saluran rangkaian makanan, dari peladang, pengedar, sehinggalah peruncit,” katanya.





30 NOV, 2021

## Produk halal Malaysia dapat tempat di selatan Thailand

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### Produk halal Malaysia dapat tempat di selatan Thailand

**PATTANI (Selatan Thailand):** Program expo dan pameran produk makanan Halal Malaysia "Rasa-Rasa Malay Aroi" yang diadakan di Pattani, selatan Thailand bermula Sabtu lepas menerima respon baik daripada kalangan penduduk tempatan.

Kaunselor Pertanian, Pejabat Perwakilan Pertanian di Bangkok Hairuddin Maslan berkata produk makanan halal Malaysia jelas mendapat tempat di kalangan pengguna di selatan Thailand.

"Penerimaan pengunjung terhadap produk yang diketengahkan adalah sangat baik dan dijangka produk-produk ini mampu menembusi pasaran Thailand," katanya kepada Bernama di sini, semalam.

Program pameran dan expo produk Halal Malaysia itu dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAPI) melalui Pejabat Perwakilan Pertanian Bangkok, untuk meneroka potensi produk industri makanan keluaran usahawan kecil dan sederhana Malaysia di pasaran Thailand.

Melalui program "Rasa-Rasa Malay Aroi" di ASEAN Mall di Pattani bermula 27 November sehingga 5 Disember, produk makanan dan barangan penjagaan diri berasaskan hasil tani keluaran 31 usahawan bimbingan agensi di bawah MAPI dan agensi-agensi lain dipergakan.

Turut terlibat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Syarikat Unity Asia Link Sdn Bhd sebagai syarikat peneraju bertujuan mengenalpasti produk-produk yang mempunyai permintaan di kalangan pengguna di selatan Thailand, yang majoritinya beragama Islam dan mempunyai citarasa hampir sama dengan penduduk Malaysia.

Program ini juga dijangka dapat meningkatkan permintaan terhadap produk-produk makanan Halal negara dan sekaligus dapat membuka ruang pasaran baru kepada usahawan Malaysia untuk meningkatkan jualan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 yang melanda dunia. — Bernama



30 NOV, 2021

## Produk halal Malaysia dapat tempat di selatan Thailand

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PATTANI (Selatan Thailand): Program expo dan pameran produk makanan Halal Malaysia "Rasa-Rasa Malay Aroi" yang diadakan di Pattani, selatan Thailand bermula Sabtu lepas menerima respon baik daripada kalangan penduduk tempatan. K a u n s e l o r P e r t a n i a n, Pejabat Perwakilan Pertanian di Bangkok Hairuddin Mas- lan berkata produk makanan halal Malaysia elas mendapat tempat dikalangan pengguna di selatan Thailand.



# High prices could escalate food insecurity

THE rising prices of vegetables – with an increase by up to 200% in some cases – is worrying. The possibility of prices remaining high until next year could add to growing food insecurity. Defined as a disruption of food intake or eating patterns due to limited money or other resources, food insecurity is also one of the root causes of malnutrition. The Covid-19 pandemic has caused the number of undernourished people across Malaysia to continue to rise, especially among vulnerable groups which have been disproportionately affected by the crisis, such as the Orang Asli, low-income and welfare-recipient households, and the elderly.

Even before the pandemic began in March 2020, Malaysia was one of the few Asian countries facing three forms of malnutrition: obesity, stunting and anaemia. Specifically, the National Health and Morbidity Survey 2019 revealed that one in two (50.1%) adults are either overweight or obese, while slightly more than one in five (21.8%) children under five years old are stunted, and almost three in 10 (29.9%) women of reproductive age are anaemic.

In February this year, Deputy Education Minister Datuk Dr Mah Hang Soon said that 25% of chil-



Photo: ZHAFARAN NASIB/The Star

dren in Malaysia are either underweight or stunted because of poor dietary habits while another 20% are overweight or obese due to inappropriate dietary choices as a result of coming from low-income families, difficulties obtaining food, or various physical and mental health issues ("Malnutrition problem not getting any better in Malaysia", *The Star*, Feb 3; online at [bit.ly/star\\_malnourish](http://bit.ly/star_malnourish)).

This alarming double burden of malnutrition in the form of stunting and obesity leads to long-term health effects: malnutrition results in greater susceptibility to infectious

diseases and irreversible impairment of childhood development, and obesity increases the risk of contracting noncommunicable diseases. Malnutrition among children leads to lifelong economic consequences, including impaired learning potential, compromised future labour productivity and higher medical expenses, all of which reinforces a vicious cycle of intergenerational inequality.

In other words, vulnerable groups become caught in the poverty-nutrition trap. As such, proactive measures, both short- and long-term, are needed to enhance food security as a means of addressing nutritional inequality. Specifically, Malaysia needs to take concrete steps to promote the availability of nutritionally adequate and safe foods at reasonable prices for normal growth and the development of an active and healthy life.

In addition to immediate term price monitoring efforts such as Ops Pasar, which seeks to prevent profiteering at every level of the distribution network, we also need to promote greater consumer awareness and an efficient market information system.

Also, market failures such as the existence of cartels, the lack of competition and the prevalence of

hoarding need to be effectively tackled. Furthermore, import duties and tariffs on consumable items and intermediate inputs used in agricultural production should be reduced to lower input costs.

In the medium to long-term perspective, we need to build a more sustainable and resilient agri-food sector against any future shocks – including poor weather caused by climate change – to prevent disruption in production.

This can be done by increasing investment in agricultural innovation and research and development for greater productivity.

We need to prioritise food security and the availability of nutritious food at reasonable prices as we seek to create a healthier society. How are we going to achieve the goal of a healthier Malaysian Family in the recently announced Agenda Nasional Malaysia Sihat if the prices of nutritionally vital products like vegetables remain so high?

**BENEDICT WEERASENA**  
Economist, Bait Al-Amanah

*Bait Al-Amanah is a think tank that researches governance and democracy, economics, security, and other national issues.*



30/11/2021

SINAR  
HARIAN  
NEGERI  
PERAK

28

# KPDNHEP akui harga sayur, ayam naik

Orang ramai disaran guna aplikasi Price Catcher untuk buat perbandingan harga

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

**K**ementerian Perdagangan Negeri Ekuw (KPDNHEP) Perak mengakui sayuran mengalami peningkatan harga sejak beberapa minggu lalu.

Pengaruhnya, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, seramai 176 pegawai kuasa KPDNHEP

Perak dan 79 Pegawai Pemantau Harga ditugaskan untuk melakukan pemeriksaan serta memantau harian di setiap rantai pengeluaran melibatkan pengeluar, pemborong dan peruncit di seluruh negeri.

Menurutnya, hasil pemeriksaan oleh KPDNHEP mendapati antara sayur-sayuran yang naik harga seperti kubis bunga, sawi, brokoli, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau selain keperluan lain seperti ayam serta telur.

“Dapatan awal mendapati kenaikan harga barangan keperluan tersebut dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti peningkatan kos pengeluaran, keadaan cuaca masa yang tidak menentu dan ketidakseimbangan penawaran dan permintaan dalam pasaran.

“Bagi memberi pilihan kepada pengguna ketika berbelanja,



FOTO: KPDNHEP

dan 136 Surat Pemberitahuan Semakan Harga Barangan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 kepada peniaga barangan keperluan yang disyaki mencatat sehingga 28 November.

Menurutnya, KPDNHEP boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana peniaga sekiranya terdapat unsur pengambian keuntungan tidak munasabah atau mencatat di bawah AKHAP 2011.

Beliau berkata, peniaga yang dikesan mengambil kesempatan dengan mencatat boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011.

“Jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat dan didenda sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Pegawai penguat kuasa KPDNHEP menjalankan pemantauan dan pemeriksaan harga barangan keperluan di sebuah pasar raya di daerah Manjung.

rakyat di Perak disarankan supaya menggunakan aplikasi Price Catcher yang dibangun Kementerian secara percuma,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, aplikasi tersebut dapat memberi pilihan yang lebih meluas kepada pengguna untuk membeli barangan keperluan kerana meliputi perkongsian harga lebih 400 barangan keperluan di seluruh negara.

Dalam pada itu, Saifullizan berkata, KPDNHEP Perak telah mengeluarkan sebanyak 57 Notis Pengesanan Maklumat Barangan



Permintaan tinggi, penternak jual ternakan muda

## 'Seekor ayam hanya sebesar tapak tangan'

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Belum selesai isu kenaikan harga bekalan ayam di pasaran dan penyeludupan haiwan hidup itu dari Thailand, kini timbul pula isu penjualan ayam segar belum cukup matang dengan anggaran berat maksimum hanya 700 gram.

Sebahagian peniaga di pasar awam daerah Barat Daya dan Timur Laut, di sini mula merungut tentang saiz ayam segar paling minima yang diperolehi daripada pihak pemborong.

Difahamkan, ada dalam kalangan peniaga bertindak mengembalikan semula stok ayam segar itu kepada pemborong dengan alasan tidak sanggup menanggung kerugian besar.

Dalam tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati, saiz ayam tersebut hanya separuh daripada ayam matang iaitu seberat kira-kira 700 gram atau sebesar tapak tangan lelaki dewasa.

Seorang peniaga ayam segar di pasar awam daerah Barat Daya yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, dia sanggup menutup operasi perniagaan sekiranya masih menerima bekalan ayam yang belum cukup matang.

Dakwanya, jisim berat ayam kini lebih ringan, manakala saiznya terlalu kecil berbanding yang dipasarkan sebelum ini.

"Sudahlah berdepan dengan banyak kenaikan harga bekalan mentah terutama plastik, inikan pula terpaksa jual ayam dengan anggaran harga serendah RM6.65 dengan berat 700 gram. Kami juga perlu melunaskan kos sewa tapak, gaji harian pekerja dan bil elektrik serta air.

"Saya beritahu pembekal, kami sanggup tutup kedai jika perkara ini masih berterusan. Saya nekad serah semula ayam segar itu kepada mereka).



SEORANG peniaga di sebuah pasar awam di George Town terpaksa menjual ayam tidak matang bersaiz hanya sebesar tapak tangan.

"Mereka memberi alasan yang penternak terpaksa menjual ayam yang tak cukup umur atau belum membesar dengan saiz yang sepatutnya di ladang kerana mendapat permintaan yang terlalu tinggi dalam kalangan peniaga terutama peniaga makanan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ketika ini, ayam segar dipasarkan antara harga RM9.60 hingga RM9.80 sekilogram di pasar awam dan kedai runcit di sekitar negeri ini.

Katanya, bekalan ayam bersaiz kecil atau yang tidak cukup matang kini dikatakan hanya dihan-

tar pembekal dan dipasarkan di pasar raya pada harga serendah RM8 seekor.

Sementara itu, seorang pengguna dan pelanggan, Muhammad Syaif Ahmad, 46, pula memberitahu, dia terkejut apabila mendapati saiz bagi seketul paha ayam goreng yang dihidangkan di sebuah restoran makanan di negeri ini didapati semakin kecil berbanding biasa.

"Sebelum ini, seketul paha ayam goreng itu boleh dilihat dengan saiz yang hampir memenuhi tapak tangan. Harga hidangan lauk itu juga sama seperti saiz sebelum ini," jelasnya.

## Kos dedak lebih murah di Thailand

**PETALING JAYA** – Ayam hidup dari Thailand dijual lebih murah berbanding ayam di Malaysia berikutan harga bagi pasaran makanan ruminan itu dikawal kerajaan termasuk harga bahan mentah lain yang lebih rendah.

Di **George Town**, seorang peniaga ayam segar yang mahu dikenali Din, 45, berkata, dedak yang dipasarkan di negara itu juga lebih berkualiti dan mampu membantu meningkatkan tumbesaran ayam dengan cepat dan sihat.

Dakwanya, persaingan tinggi dalam urusan perniagaan ayam hidup di negara itu juga memaksa syarikat pengeluar ternakan itu memasarkan pada harga yang lebih rendah.

"Cara perniagaan di sana (Thailand) jauh berbeza dengan Malaysia. Pasaran harga makanan ruminan untuk ayam, lembu dan kambing dikawal selain sentiasa dipantau pihak berkuasa.

"Mereka dilihat lebih berdisiplin dan telus dalam perniagaan. Persaingan tinggi terhadap permintaan haiwan ternakan menyebabkan masing-masing meletakkan harga yang lebih murah.

"Persoalannya, kenapa harga ayam dan dedak di negara kita jauh berbeza dengan negara jiran. Kerajaan perlu rungkai soalan ini," tegasnya kepada *Kosmo!* semalam.

Di **Kuala Terengganu**, seorang pembekal ayam, Amirul Aqmal Razarudin berkata, kos operasi yang jauh lebih rendah menyebabkan ayam hidup dari Thailand yang diseludup masuk dapat dijual dengan harga murah di pasaran negara ini.

"Rata-rata penternak ayam di negara ini dibebani kos harga dedak yang naik berlipat ganda sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac tahun lalu.

"Dedak makanan ayam naik lagi RM130 seguni berbanding RM116 pada awal tahun ini.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

"Saya difahamkan kos dedak di negara jiran jauh lebih murah kerana bahan mentah bagi memproses dedak dihasilkan sendiri selain faktor tukaran wang asing," katanya.

Katanya, sebagai perbandingan, rata-rata penternak ayam tempatan bergantung hampir seratus peratus dengan pengimport bagi mendapatkan bekalan dedak.

"Cadangan saya bagi penyelesaian jangka pendek dan sederhana, kerajaan disaran memberi subsidi atau menetapkan harga siling bagi dedak ayam," katanya.

Di **Kota Bharu**, seorang pekerja swasta, Falzal Abd. Latif, 36, berkata, sukar untuk pengguna membezakan antara ayam mentah tempatan atau seludup kerana kebanyakan premis menjual bekalan yang siap disembelih dan diproses.

"Sebagai pengguna, kami mahukan bekalan yang terbaik untuk kegunaan harian tidak kira ayam mentah itu dimasak di rumah atau semasa menjamu selera di kedai makan.

"Jika ayam dari Thailand boleh menyebabkan penyebaran selesema burung, ia patut dipandang serius oleh semua pihak," katanya.

*Kosmo!* semalam melaporkan, kegiatan penyeludupan ayam hidup dari Thailand khususnya ke Kelantan boleh mengancam kesihatan awam serta unggas di negara ini menerusi penyebaran penyakit selesema burung.



Penternak disyaki jual stok ayam muda, peniaga kian tertekan

## Sembelih ayam tak matang

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**GEORGETOWN:** Belumpun selesai isu kenaikan harga bekalan ayam di pasaran dan penyeludupan haiwan hidup itu dari Siam, kini timbul pula isu penjualan ayam segar belum cukup matang dengan anggaran berat maksimum 700 gram.

Sebahagian peniaga di pasar awam daerah Barat Daya dan Timur Laut di sini mula merungut tentang saiz ayam segar paling minimum yang diperolehi mereka daripada pihak pemborong.

Difahamkan, ada dalam kalangan peniaga bertindak mengemalikan semula stok ayam segar itu kepada pihak berkenaan dengan alasan tidak sanggup menanggung kerugian besar.

Seorang peniaga ayam segar di pasar awam daerah Barat Daya yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, dia sanggup menutup operasi perniagaan sekiranya masih menerima bekalan ayam yang belum cukup matang.

Dakwanya, jisim berat ayam kini lebih ringan manakala saiznya terlalu kecil berbanding yang dipasarkan sebelum ini.

"Sudahlah berdepan dengan banyak kenaikan harga bekalan mentah terutama plastik, sekarang terpaksa pula jual ayam



**TINJAUAN** di Pasar Permatang Manggis, Penaga, mendapati harga ayam melambung naik mencecah harga RM9.50 sekilogram. - **UTUSAN/IQBAL HAMDAN**

dengan anggaran harga serendah RM6.65 dengan berat 700 gram. Kami juga perlu melunas kos sewa tapak, gaji harian pekerja dan bil elektrik serta air.

"Pembekal beri alasan penternak terpaksa menyembelih ayam yang tak cukup umur atau belum

membesar dengan saiz yang sepatutnya di ladang kerana mendapat permintaan yang terlalu tinggi dalam kalangan peniaga terutama peniaga makanan," katanya di sini semalam.

Ketika ini, ayam segar dipasarkan antara harga RM9.60 hingga

RM9.80 sekilogram di pasar awam dan kedai runcit di negeri ini.

Katanya, bekalan ayam bersaiz kecil atau yang tidak cukup matang kini dikatakan hanya dihandar pembekal dan dipasarkan di pasar raya pada harga serendah RM8 seekor.

## 'Ladang banyak, tak wajar harga ayam mahal di Negeri Sembilan'

**SEREMBAN:** Kerajaan Negeri Sembilan perlu mewujudkan satu dasar pentadbiran untuk mengekang peningkatan harga ayam di negeri ini.

Datuk Seri Mohamad Hasan (BN-Rantau) berkata, menerusi dasar berkenaan, kerajaan negeri boleh mengadakan perbincangan dengan pengusaha ternakan ayam yang banyak menjalankan operasi mereka di negeri ini untuk bersama membantu mengurangkan harga bekalan ayam.

"Di Negeri Sembilan tidak sepatutnya harga ayam tinggi kerana ladang ternakan ayam paling banyak adalah di Negeri Sembilan. Perlu ada dasar pentadbiran, kita buat satu tanda di Negeri Sembilan



**MOHAMAD HASAN**

lan harga ayam tidak boleh lebih daripada RM6.50.

"Mereka (pengusaha ternakan) mesti mempunyai tanggung

jawab sosial korporat terhadap negeri di mana mereka beroperasi. Jadi, saya minta kerajaan Negeri Sembilan berpakatlah dan berunding dengan pengusaha-pengusaha ini supaya ketika ini, utamakan dahulu rakyat Negeri Sembilan.

"Boleh berunding dengan pengusaha-pengusaha ini kerana ketika kerajaan berhadapan dengan krisis, mereka juga perlu bersama menjayakan dasar dan hasrat kerajaan untuk mensejahterakan rakyat," kata beliau.

Mohamad yang juga ketua pembangkang berkata demikian sewaktu berucap pada sesi perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan (2022) 2021, Persidangan Kedua (Belanjawan

Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-14 di sini semalam.

Sementara itu, beliau menambah, perlu ada satu dasar intervensi diwujudkan oleh kerajaan negeri bagi memantau situasi kenaikan harga barangan ketika ini.

"Rakyat berhadapan dengan kos sara hidup yang amat tinggi, harga barang meningkat begitu tinggi, bukan makanan sahaja tetapi bahan binaan juga.

"Dasar intervensi perlu diambil untuk memantau serta mengawal keadaan ini, supaya rakyat tidak terus terbeban dan tidak ada pihak yang mengambil kesempatan dan meraih keuntungan melampau," katanya lagi.



# Cabaran bekalan makanan negara



VANGUARD

MUHAMMAD FUAD MAT NOOR

**P**ada Mac 2001, Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan atau MKMPK.

Tujuan penubuhan MKMPK adalah untuk memastikan kesihatan rakyat terjamin dengan memperkukuhkan keselamatan makanan di semua peringkat rantaian makanan di Malaysia dan memastikan rakyat mencapai taraf pemakanan optimum.

Majlis itu dianggotai oleh 50 orang Ahli Majlis terdiri daripada pegawai-pegawai tertinggi beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Senarai tersebut nampak gah di atas kertas, namun apa yang berlaku terhadap situasi bekalan makanan di Malaysia seakan tidak pernah berubah, malah hari ini tidak keterlaluan dikatakan ia semakin merosot.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kinrade pada September lalu berkata, walaupun Malaysia jatuh dari tangga 28 ke-44 da-

lam senarai Indeks Keselamatan Makanan Global (GPSI), ia masih lebih baik berbanding Thailand, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Filipina dan India.

Beliau menjelaskan perubahan kedudukan Malaysia pada 2019 adalah kerana pelarasan semula dibuat Unit Perisikan Ekonomi (EIU) global. Beliau menambah bahawa Singapura juga telah berubah dari tangga pertama ke tangga 20 dan Australia dari tangga ke-12 ke tangga 26.

Jawapan sedemikian mengingatkan kita mengenai jawapan murid yang takut dirotan bapanya kerana keputusan peperiksaan rendah dan membandingkan dengan murid-murid lain yang tidak pandai atau mendapat markah lebih rendah agar markahnya kelihatan 'tinggi' walaupun hakikatnya dia juga gagal.

Mengapa tidak kita bandingkan sahaja keputusan kita dan Singapura dengan Finland yang naik lima tangga ke tempat pertama atau Belanda, Austria, Republik Czech, Itali dan Kanada yang kesemuanya mempamerkan peningkatan, walhal mereka juga terkesan dengan pelarasan baharu yang sama oleh EIU.

Pada 2020, kedengaran laungan daripada pembangkang agar satu majlis yang diberi nama Majlis Keselamatan Makanan ditubuhkan untuk bersedia menghadapi kemungkinan berlaku kekurangan

bekalan makanan dalam negara.

Tercetusnya pandemik dan perubahan cuaca tidak menentu secara global menimbulkan kebimbangan terhadap kemampuan bekalan import. Perkara tersebut diperakui kerajaan ketika itu dan melalui *National Security Strategy Center* (NASTRAC) yang bernaung di bawah Majlis Keselamatan Negara telah menghasilkan dokumen Dasar keselamatan negara 2021-2025 yang tyut menyentuh perihal keselamatan makanan.

Perkara 40 di bawah tajuk Isu, 'Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara' menegaskan kegagalan dalam mengurus sumber makanan melibatkan kesemua komponen dalam rantaian makanan termasuk kesediaan, kestabilan dan kebolehdapatan makanan akan mewujudkan persaingan terhadap sumber makanan serta mewujudkan kebertanggungjawaban tinggi kepada sumber luar.

Apakah dokumen itu masih terpakai setelah berlaku peralihan kuasa tidak dapat ditentukan, namun November menyaksikan pergolakan cukup dahsyat mengenai kelemahan bekalan makanan negara.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terpaksa meminta sebuah firma pengeluar roti untuk menangguhkan kenaikan harga walaupun ia hanya peningkatan 10 sen. Beliau juga

menjelaskan masalah kekurangan minyak masak akan diselesaikan setelah mendapat suntikan dana daripada Kementerian Kewangan.

Sebelum ini akibat bayaran kepada *repacker* (pengilang pek semula) lambat menyebabkan pengilang bermasalah aliran tunai hampir menutup kilang.

Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pula memaklumkan bekalan sayur-sayuran di pasaran berkurangan serta berlaku kerosakan sayur-sayuran milik petani di Cameron Highlands.

Musim tengkujuh telah menjejaskan antara 20 hingga 30 peratus bekalan sayur-sayuran, kata Pengerusi Persatuan Pekebun-Pekebum Sayur Malaysia. Harga bagi beberapa sayur kegemaran rakyat Malaysia seperti sawi, bayam, kangkung dan kailan menunjukkan peningkatan antara 20 hingga 100 peratus.

Musim tengkujuh dan laut bergelora juga telah menjejaskan sekurang-kurangnya 50 peratus bekalan ikan, kata Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara (KTU) yang menyebabkan terdapat kenaikan antara RM2 dan RM3 sekilogram.

*\* Muhammad Fuad Mat Noor ialah penganalisis pertanian dan pernah menerima anugerah Wartawan Terbaik oleh Kementerian Perhubungan Malaysia pada tahun 2003, 2004, 2006 dan 2007*

# Iklm pengaruhi sektor pertanian



PERSPEKTIF

DR HALIZA ABDUL RAHMAN

**S**ekuriti makanan adalah isu asas yang penting dalam kehidupan manusia. Ia merujuk kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehnya.

Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi. Kesan buruk ketiadaan sekuriti makanan adalah masalah keburlatan, kelaparan dan malnutrisi.

Mengikut FAO, terdapat empat komponen utama dalam sekuriti makanan iaitu ketersediaan makanan – ketersediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti yang dibekalkan melalui pengeluaran domestik atau import.

Kedua, akses makanan – akses kepada sumber makanan mencukupi oleh individu. Ketiga, penggunaan ke atas makanan yang lengkap berterusan, air

bersih dan semua keperluan makanan dapat diperoleh.

Keempat ialah kestabilan – untuk memastikan sekuriti makanan, individu atau isi rumah mesti mempunyai akses makanan sepanjang masa.

Sekuriti makanan berkait rapat dengan iklim dan cuaca, khususnya fenomena pemanasan global serta perubahan iklim.

Laporan Kumpulan Kerja Pertama Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) 2021 menjangkakan suhu permukaan bumi bakal meningkat dari 1.1 hingga 6.4 darjah Celsius menjelang 2100.

Natijahnya, perubahan iklim bukan sahaja memberi impak kepada sistem semula jadi, malah kehidupan manusia seperti pengeluaran makanan dan rantaian pasaran komoditi dengan implikasinya terhadap ketersediaan makanan serta upaya untuk diakses oleh masyarakat.

Rentetan itu, perbincangan di peringkat global memberi fokus kepada kemusnahan terhadap jaminan makanan dunia terutama dengan pengurangan pengeluaran makanan dan keberhasilan sektor agrikultur dan perikanan.

Adakah dan bagaimanakah isu perubahan iklim mempengaruhi sekuriti

makanan?

Umumnya, perubahan iklim mempunyai kesan kemusnahan besar kepada sektor pertanian. Sejarah pasaran beras dunia bagi tempoh empat dekad lalu menunjukkan krisis harga sering berlaku apabila penawaran terganggu dengan kebanyakannya disebabkan perubahan cuaca dan bencana alam.

Cuaca juga antara faktor menyebabkan krisis makanan dunia pada 2008 apabila perubahan cuaca menjejaskan pengeluaran bijirin di Eropah Utara, Rusia, Australia dan Afrika Barat.

Rekod menunjukkan sekuriti makanan negara terjejas berikutan Malaysia mengalami pertambahan purata hujan tahunan setiap dekad berdasarkan rekod hujan tahunan selama 40 tahun iaitu dari 1978 hingga 2017.

Tanaman padi adalah antara paling berpotensi terkesan disebabkan perubahan iklim, sekali gus mengancam sekuriti bekalan beras negara.

Fenomena iklim meningkatkan risiko dan kejadian bencana seperti banjir, kemarau berpanjangan, anjakan musim hujan serta kenaikan aras air laut sehingga mempengaruhi ketersediaan air yang diperlukan untuk tanaman padi.

Kesan perubahan iklim terhadap

tanaman itu semakin ketara kebelakangan ini apabila dalam tempoh lima tahun dari 2017 hingga 2021, sebanyak 40,828.28 hektar tanaman padi di Semenanjung Malaysia musnah akibat banjir, manakala 9,336.45 hektar pula terjejas oleh kemarau.

Bagi mengatasi masalah perubahan cuaca, rangka pelan jangka panjang dan jangka pendek diperlukan untuk memastikan sektor pertanian terus berdaya saing dan mampan dalam membekalkan makanan yang mencukupi kepada rakyat.

Antara solusinya adalah membuat kajian berterusan dalam menghasilkan benih atau varieti tahan lasak terhadap aspek perubahan iklim kesan daripada fenomena pemanasan global seperti penghasilan benih padi IS21 yang berdaya tahan tinggi terhadap cuaca tidak menentu dan mempunyai rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah.

Hasil tuaian varieti itu juga meningkat sebanyak 40 hingga 67 peratus bergantung kepada kawasan tanaman dan budaya serta amalan petani.

*\* Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSSAS), Universiti Putra Malaysia*



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	21



UTUSAN MALAYSIA  
SELASA - 30 NOVEMBER 2021 **21**

# Gaya TANI

MUHAMAD Hamim Mohd. Hanipa di tapak tanaman cili menggunakan teknologi sistem fertigasi yang diusahakan di Sungai Chuchuh, Padang Besar. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

## Jana RM420,000 semusim tanam cili

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**M**ENCUBA bidang baharu ketika berada dalam keadaan sukar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan pandemik Covid-19 sebelum ini bukan sesuatu perkara yang mudah. Hanya semangat, kesungguhan dan tidak mengenai erti putus asa menjadi kunci kejayaan dalam bidang yang diceburi itu sekali gus mampu membawa pulangan lumayan. Situasi itu dilalui Muhamad Hamim Mohd. Hanipa, 30, daripada seorang kontraktor binaan yang berpengalaman lebih 10 tahun beralih ke bidang pertanian.

Beliau mengusahakan tanaman cili menggunakan teknologi sistem fertigasi sejak Januari lalu. Bermodalkan wang simpanan RM300,000, Muhamad Hamim yang



SEORANG pekerja memilih dan membersihkan cili yang baru dipetik dan sedia dijual untuk pasaran sekitar Perlis dan seluruh negara.

berasal dari Guar Sanji, Arau itu, mengusahakan tanaman tersebut di kawasan seluas 3.5 hektar di Sungai Chuchuh, Padang Besar.

Pada peringkat permulaan, bapa kepada dua anak yang dibantu lima pekerja itu menanam 30,000 pokok cili merah.

Usaha tanpa mengenal erti putus asa anak muda tersebut akhirnya membuahkan hasil apabila tanaman yang diusahakan itu mampu

menghasilkan sekitar 60,000 kilogram (kg) atau 60 tan metrik cili merah bagi setiap musim iaitu dalam tempoh lima bulan. Malah, dia mampu menjana kira-kira RM420,000 bagi jumlah cili yang dihasilkan itu setiap musim. Muhamad Hamim berkata, cili berkenaan adalah untuk pasaran sekitar negeri ini dan seluruh negara termasuk kepada para pemborong serta Lembaga Pemasaran Pertanian Pertanian (FAMA). Katanya, setiap hari sebanyak 400 sehingga 500kg cili merah dikutip dan mendapat sambutan yang cukup memberangsangkan khususnya pasaran di negeri ini. "Alhamdulillah, langkah mencuba bidang baharu dalam pertanian ini mula membuahkan hasil. Semasa PKP lalu, saya tidak ada sebarang projek sehingga menyebabkan saya perlu memikirkan sesuatu bagi menjana pendapatan.

Bersambung di muka 22



**Dari muka 21**

"Masa PKP lalu, kontraktor terkesan teruk dengan tidak ada sebarang projek ketika itu. Selepas berfikir panjang, saya ambil keputusan mengusahakan tanaman cili secara fertigasi ini dengan bermodalkan wang simpanan.

"Apa yang penting adalah usaha dan tidak mengenal erti putus asa sepanjang proses tanaman tersebut yang memerlukan penjagaan yang baik bagi memastikan hasil yang berkualiti untuk pasaran. Usaha itu menampakkan hasil ketika ini," katanya.

Tambah Muhamad Hamim, dia banyak dibantu oleh para pekerjanya yang memainkan peranan cukup baik sejak proses tanaman, penjagaan sehingga menuai.

Katanya, para pekerja melakukan rutin seperti membaja, racun, membuang tunas air dan sentiasa memantau sama ada pokok berada dalam keadaan sihat atau sebaliknya.

"Hal demikian cukup dititik beratkan bagi memastikan cili merah yang dihasilkan itu benar-benar berkualiti untuk pasaran," katanya.

Selain itu, katanya, antara cabaran lain yang perlu dihadapi usahawan cili adalah perlu bersaing dengan lambakan cili import khususnya dari Thailand dan Vietnam.

Katanya, lambakan cili



**PEKERJA** mengangkat cili yang baru dipetik untuk dikumpul dan ditimbang sebelum dijual di pasaran.

import itu secara tidak langsung boleh menjejaskan petani tempatan khususnya daripada segi permainan harga sehingga boleh

menyebabkan mereka menanggung risiko kerugian. "Lambakan cili import ini selalunya menjadi antara masalah yang menghantui



**MUHAMAD** Hamim Mohd. Hanipa (kanan) membantu pekerjanya memasukkan cili ke dalam van untuk dipasarkan.

para petani dan kita berharap kemasukkan cili import ini dapat dikawal. Insya-Allah bekalan cili yang dihasilkan usahawan tempatan mampu menampung keperluan di negara ini.

"Bukan tidak membenarkan langsung cili import ini sebaliknya ia perlu dikawal sekali gus mampu membantu para petani tempatan ini khususnya melibatkan tanaman cili ini," katanya.

Sementara itu, Muhamad Hamim berkata, dia menyasarkan untuk menambah sebanyak 30,000 lagi pokok cili dalam tempoh terdekat selain menambah tenaga kerja.

Pekerjanya, Ariff Nasrullah Rohaimi, 36, pula berkata, antara cabaran dari segi penjagaan pokok cili adalah seperti serangan virus mozek atau kerinting daun.

Katanya, faktor cuaca juga memainkan peranan penting kerana apabila hujan terlalu lama tanaman berdepan masalah penyakit kulat yang boleh menjejaskan hasil tanaman.

"Virus mozek itu antara paling kita risau sebab ia sukar dirawat namun alhamdulillah tidak sampai lima peratus daripada 30,000 pokok yang ditanam itu terkena virus berkenaan disebabkan penjagaan yang cukup rapi," katanya.

